KAJIAN FUNDAMENTAL UNTUK MENINGKATKAN SIFAT-SIFAT KEMULURAN ANGGOTA KONKRIT KEKUATAN TINGGI BERTETULANG

(A FUNDAMENTAL STUDY OF IMPROVING DUCTILITY OF REINFORCED HIGH-STRENGTH CONCRETE (HSC) MEMBERS)

WAHID BIN OMAR
ABDULLAH ZAWAWI AWANG

NO. VOT PENYELIDIKAN:
75136

Jabatan Struktur dan Bahan
Fakulti Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi Malaysia

2007

KAJIAN FUNDAMENTAL UNTUK MENINGKATKAN SIFAT-SIFAT KEMULURAN ANGGOTA KONKRIT KEKUATAN TINGGI BERTETULANG

(A FUNDAMENTAL STUDY OF IMPROVING DUCTILITY OF REINFORCED HIGH-STRENGTH CONCRETE (HSC) MEMBERS)

(Grant Vot No.: 75136)

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, penggunaan konkrit berkekuatan tinggi telah menjadi semakin popular dalam pembinaan bangunan dan infra-struktur. Ini kerana konkrit berkekuatan tinggi mempunyai sifat bahan yang berkualiti dan ia dapat mengurangkan kos pembinaan secara keseluruhan. Bagaimanapun, konkrit tersebut lebih rapuh berbanding konkrit berkekuatan biasa. Oleh itu, kurungan sisi secara luaran digunakan untuk meningkatkan keupayaan dan sifat kemuluran konkrit tersebut. Di dalam projek ini, kajian ditumpukan kepada kesan penggunaan jalur logam untuk meningkatkan kekuatan dan kemuluran konkrit berkekuatan tinggi. Kajian ini juga meninjau kesan penggunaan jalur logam yang berlainan kekuatan dan dipasang pada jarak yang berbeza. Semua sampel konkrit kurungan sisi diuji dengan beban mampatan paksi dan hubungan tegasan-keterikan memanjang dan sisi dihasilkan. Mod kegagalan apabila konkrit mencapai kekuatan maksimum direkodkan. Daripada kajian ini, ia menunjukkan penggunaan jalur logam pra-tegangan sebagai bahan kurungan sisi konkrit kekuatan tinggi dapat meningkatkan kemuluran konkrit tersebut. Ia juga menunjukkan penggunaan jalur logam yang mampunyai keterikan yang tinggi akan meningkatkan kekuatan dan kemuluran konkrit berkekuatan tinggi yang dikurung sisi. Kajian lebih lanjut diperlukan untuk mengetahui keberkesanan penggunaan jalur logam sebagai alternatif kepada penggunaan bahan-bahan lain yang lebih mahal seperti polimer bertetulang gentian (FRP).

ABSTRACT

In recent years, the use of high strength concrete (HSC) has become increasingly popular in the construction of buildings and infra-structures. The utilization of HSC has been spurred on by the superior mechanical properties of the material and its cost-effectiveness. However, HSC tends to be more brittle or less tough than normal strength concrete. Therefore, external confinements are used to overcome and enhance the concrete characteristics. This study investigates the effectiveness of using steel straps in increasing the strength and ductility of HSC. Its also investigate the effects of using steel straps with different ultimate tensile strength and placed with different spacings. All the cylinders were tested under axial compression load to study their stress-axial strain and stress-lateral strain characteristics upon loading. Mode of failure of the cylinders has been observed. The results indicated that the confined cylinders have higher ultimate load-capacity and ductility compared to the unconfined cylinders. It also shows that higher strength of steel straps will increase the strength and ductility of confined high strength concrete. Further work needs to be carried out to ascertain the effectiveness of using low-cost steel straps as alternative to more costly confining materials such as Fibre-reinforced plastic (FRP).

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SIMBOL

f_c	-	tegasan konkrit
f_{cc}	-	nilai tegasan konkrit dikurung sisi
f_{ce}	-	nilai tegasan konkrit tidak dikurung sisi
ε_c	-	terikan konkrit
ε_{cc}	-	nilai terikan konkrit dikurung sisi
ε_{ce}	-	nilai terikan konkrit tidak dikurung sisi

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Konkrit kekuatan tinggi *(High-Strength Concrete)* adalah satu bahan yang agak baru di Malaysia. Ia mula digunakan sejak awal 1990an di dalam industri pembinaan di negara-negara maju. Di Eropah misalnya, konkrit yang mempunyai kekuatan sekitar 20,000 psi (138 MPa) telah digunakan untuk membina struktur tiang bangunan tinggi dan jambatan (Nawy, 1996). Di Malaysia, Menara Berkembar Petronas KLCC adalah salah satu contoh bangunan yang menggunakan konkrit kekuatan tinggi pada struktur tiangnya.

Konkrit kekuatan tinggi banyak digunakan pada struktur tiang bangunan tinggi untuk meminimakan saiz struktur, struktur jambatan dan pada struktur-struktur yang mengalami dedahan yang teruk. Ini disebabkan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada konkrit kekuatan tinggi berbanding konkrit kekuatan normal seperti lebih teguh, tahan lasak dan kurang keliangan. Selain itu, ia juga mempunyai kelebihan yang lain di mana ia sesuai untuk pembinaan yang memerlukan masa penyiapan yang singkat kerana ia dapat mencapai kekuatan yang tinggi dalam masa yang singkat. Oleh itu, konkrit kekuatan tinggi boleh ditanggalkan daripada acuannya lebih awal (Burnett, 1989).

Namun begitu, konkrit kekuatan tinggi juga mempunyai beberapa kelemahan iaitu kadar rayapan dan pengecutan yang tinggi. Ini disebabkan kandungan simen yang tinggi. Namun begitu kelemahan utama konkrit ini ialah ia bersifat rapuh dan kemulurannya lebih rendah daripada konkrit kekuatan normal. Disebabkan kemulurannya yang rendah itu ia akan gagal secara tiba-tiba apabila melebihi kekuatan maksimumnya dan ia tidak menunjukkan tanda-tanda awal yang mencukupi sebelum gagal (Li, 2003). Oleh itu penggunaan pelbagai kurungan sisi telah mula diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan lagi kekuatan konkrit dan mengurangkan sifat kerapuhannya.

Walaupun penggunaan kurungan sisi terhadap konkrit merupakan satu kaedah yang praktikal dalam memperkukuhkan konkrit, namun data-data kajian masih sukar diperolehi terutamanya berkaitan dengan kurungan sisi bagi konkrit kekuatan tinggi. Oleh itu, penggunaannya memerlukan kajian yang lebih lanjut untuk menentukan kesesuaiannya dalam industri pembinaan.

1.2 Kenyataan masalah

Peningkatan kekuatan konkrit akan menyebabkan penurunan kemuluran struktur konkrit terutama pada struktur yang mengalami beban mampatan paksi (Shah, 1990). Masalah ini telah menjadi topik penyelidikan sejak lebih dua abab yang lalu. Hasil ujikaji yang lalu menunjukkan bahan kurungan sisi yang digunakan untuk meningkatkan kemuluran konkrit (samada keluli atau polimer bertetulang gentian) tidak mencapai kekuatan muktamad ketika konkrit gagal, namun kebanyakan model yang dihasilkan mencadangkan nilai kekuatan muktamad semasa membuat anggaran kekuatan konkrit kurungan sisi. Ini menyebabkan berlaku anggaran kekuatan yang lebih daripada nilai sebenarnya. Masalah ini dipercayai akan lebih kritikal pada konkrit kekuatan tinggi kerana sifat pengembangan sisinya yang lebih rendah berbanding dengan konkrit kekuatan normal apabila dikenakan beban mampatan yang sama. Ini juga menyebabkan penggunaan bahan kurungan sisi yang berkekuatan tinggi tidak dapat dioptimumkan sebaik mungkin terutamanya pada konkrit yang mempunyai kekuatan mampatan yang lebih tinggi.

1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

i. Mengkaji sifat konkrit kekuatan tinggi yang dihasilkan menggunakan bahan tempatan. Kajian tertumpu kepada sifat ubahbentuk memanjang dan ubahbentuk sisi.

ii. Membangun satu hubungan antara kekuatan mampatan konkrit dan sifat kemuluran dengan menggunakan jalur logam sebagai bahan kurungan sisi.

1.4 Skop kajian

Skop kajian adalah lebih tertumpu kepada kajian terhadap keupayaan konkrit berkekuatan tinggi yang dikurung sisi secara luaran yang menanggung daya mampatan yang tinggi pada paksi memanjang tiang. Spesimen konkrit yang digunakan adalah berbentuk silinder berdiameter 85 mm dan 170 mm panjang. Keberkesanan kurungan sisi menggunakan jalur logam dalam meningkatkan kemuluran konkrit berkekuatan tinggi dibandingkan dengan hasil kajian lain yang menggunakan bahan seperti polimer bertetulang gentian (FRP). Jalur logam dipasangkan pada silinder dengan menggunakan alat penegang (*tensioner*) untuk memberikan sedikit daya kepada kurungan sisi sebelum beban paksi dikenakan kepada tiang. Keputusan kajian ini penting untuk menilai keberkesanan daya tegangan sisi yang dihasilkan oleh jalur logam dalam meningkatkan keupayaan konkrit berkekuatan tinggi.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Konkrit berkekuatan tinggi

Sejak kebelakangan ini, penggunaan konkrit berkekuatan tinggi semakin popular terutamanya dalam pembinaan bangunan tinggi. Ia digunakan kerana terdapat banyak kelebihan seperti saiz tiang dapat dikecilkan, konkrit yang tahan lasak, tempoh pembinaan yang singkat dan sebagainya. Namun demikian, konkrit yang berkekuatan tinggi ini lebih rapuh jika dibandingkan dengan konkrit berkekuatan biasa.

Rajah 2.1 menunjukkan graf tegasan-keterikan konkrit berkekuatan biasa dan konkrit berkekuatan tinggi. Daripada rajah tersebut, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi kekuatan konkrit, semakin rapuh konkrit tersebut. Kelemahan ini menyebabkan pelbagai ujikaji telah dijalankan untuk memperbaiki kelemahan tersebut. Antaranya ialah melalui penggunaan kurungan sisi. Oleh yang demikian, kajian literatur ini meneliti kajian yang telah dilakukan sebelum ini yang menggunakan kaedah kurungan sisi bagi meningkatkan kemuluran dan kekuatan struktur konkrit.



Rajah 2.1: Graf tegasan-keterikan bagi konkrit berkekuatan biasa dan konkrit berkekuatan tinggi (Attard *et al.*, 1986)

2.1.1 Definasi konkrit berkekuatan tinggi

Mehta (1986) telah mendefinisikan konkrit yang mempunyai kekuatan 6000 psi atau 41.4 MPa atau lebih dikategorikan sebagai konkrit berkekuatan tinggi. Bertero (1979) pula mengganggap kekuatan yang melebihi 6000 psi (41 MPa) untuk konkrit biasa dan 4000 psi (27 MPa) untuk konkrit *lightweight* sebagai konkrit berkekuatan tinggi.

Nilai ini adalah wajar di mana kebiasaannya kaedah penghasilan konkrit berdasarkan amalan kod rekabentuk dihadkan bagi konkrit yang berkekuatan di antara 3000 psi dan 6000 psi (Salim dan Murat, 1994). Namun begitu, definisi ini berubah-ubah mengikut masa dan tempat (keadaan geografi).

2.1.2 Kelebihan menggunakan konkrit berkekuatan tinggi

Kelebihan menggunakan konkrit berkekuatan tinggi dapat dilihat daripada pelbagai faktor (Nawy, 1996). Antaranya ialah:

a. Saiz tiang
   Ia akan menghasilkan saiz tiang yang lebih kecil. Oleh itu, keluasan ruang sebuah bangunan untuk disewa atau dijual lebih besar.

b. Berat struktur bangunan
   Pengurangan ketebalan papak dan rasuk akan mengurangkan beban yang akan dipindahkan kepada tiang. Seterusnya, ia akan mengurangkan saiz asas bangunan disebabkan oleh pengurangan berat sendiri dan beban daripada tiang yang akan ditanggung olehnya.

c. Ketahanlasakan konkrit
   Konkrit mempunyai kelasakan yang tinggi terhadap serangan kimia, fizikal atau mekanikal seperti tindakan elektrolit, serangan cecair dan gas samada asli dan industri, pencuacaan dan lelasan.

d. Tempoh pembinaan
   Acuan dapat dibuka lebih awal kerana konkrit mencapai kekuatan yang tinggi pada peringkat awal dan ini akan mengurangkan tempoh pembinaan.

2.2 Kurungan sisi

Konkrit yang lazimnya mengalami daya mampatan adalah kritikal di mana ia penting dalam pengukuhan struktur bangunan. Oleh itu, kajian telah dilakukan seawal tahun 1903, di mana Considere (1903) mendapati kebaikan kesan penggunaan kurungan sisi dalam konkrit menggunakan kurungan sisi terhadap kekuatan dan had ubah bentuk. Sejak itu, kajian-kajian yang seterusnya mendapati bahawa apabila konkrit yang dikenakan daya mampatan dikekang daripada berlakunya pengembangan sisi, ia memperlihatkan pertambahan kekuatan konkrit dan menghadkan ubah bentuk pada konkrit tersebut. Ia dipanggil kurungan sisi, di mana secara tradisionalnya telah digunakan dalam anggota mampatan melalui perangkai ricih dalam bentuk segiempat tepat, lingkaran dan gelung.

Kurungan sisi boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kurungan sisi secara dalaman (KSD) dan kurungan sisi secara luaran (KSL). Richart *et al.* (1929) telah mengkaji konkrit yang dililit dengan keluli (*spiral hoops*) dibandingkan dengan konkrit tidak dikurung sisi dan mendapati bahawa kekuatan konkrit dikurung sisi lebih tinggi jika dibandingkan konkrit tidak dikurung sisi dengan syarat jarak lilitan tersebut adalah kecil.

Dalam tahun-tahun yang seterusnya, kesan penggunaan kurungan sisi terhadap kekuatan dan had ubah bentuk konkrit telah dikaji dengan lebih mendalam sama ada dalam bentuk eksperimen atau secara teori.

2.2.1 Kurungan sisi secara luaran

2.2.1.1 Kurungan sisi menggunakan plat keluli

Secara tradisionalnya, plat keluli telah digunakan untuk meningkatkan kekuatan struktur konkrit yang telah rosak akibat pengaratan tetulang, beban yang tinggi, kelemahan rekabentuk dan sebagainya. Swamy *et al.* (1989) mendapati teknik pengikatan plat keluli berguna dalam kerja-kerja penguatan struktur konkrit.

Namun demikian, plat keluli ini mudah berlaku pengaratan dan kesukaran untuk memasang plat keluli yang berat di tempat yang terhad menyebabkan alternatif baru dikaji untuk mencari bahan yang lebih efisien dalam menguatkan struktur konkrit.

2.2.1.2 Kurungan sisi menggunakan FRP (*Fiber Reinforced Polymer*)

Penggunaan *Fiber Reinforced Polymer (FRP)* untuk menggantikan plat keluli sebagai kurungan sisi telah dikaji sekitar awal 1980 lagi. Ia adalah bahan yang ringan tetapi mempunyai nisbah kekuatan-berat yang tinggi, tidak terhakis dan bersifat neutral. Selain itu, ia juga tahan lasak pada sebarang suhu dan keadaan persekitaran. Ia telah membuka alternatif yang baru dalam membaiki dan meningkatkan kekuatan struktur konkrit. FRP diperbuat daripada pelbagai jenis bahan sama ada karbon, kaca, polyester, vinylester dan sebagainya.

Terdapat pelbagai bentuk kurungan sisi yang menggunakan FRP sama ada bentuk lingkaran, balutan, tiub, jalur atau plat gentian kaca. Antara kajian-kajian yang telah dijalankan berdasarkan bentuk kurungan sisi adalah seperti berikut:

i. Jalur

Kurungan dibentuk dengan melilitkan jalur gentian bersifat fleksibel yang mempunyai ketebalan dan lebar yang ditetapkan pada tiang konkrit. Jalur tersebut boleh dililit samada secara bersambung atau tunggal. Kaedah kurungan ini dikaji oleh Saadatmanesh *et al.* (1994) di mana mereka menggunakan dua jenis FRP iaitu e-kaca dan karbon sebagai penguat struktur konkrit yang terdedah kepada gegaran gempa bumi.

Dalam kajian ini, konkrit-konkrit tersebut dililit dengan jalur berlainan jarak dan jenis untuk melihat kesannya terhadap kekuatan konkrit tersebut. Kajian mereka mendapati jalur yang mempunyai kekuatan alah yang tinggi akan menghasilkan konkrit yang mempunyai kekuatan dan kemuluran konkrit yang tinggi. Semakin tebal jalur tersebut, semakin kurang kerapuhannya. Namun demikian, kerapuhannya bertambah apabila jarak antara jalur semakin besar.

ii. Plat

Plat tersebut dibalut di sekeliling konkrit dan dilekat menggunakan bahan pelekat seperti gam epoxy dua-komposit dan sebagainya. Kaedah pemasangan plat ini adalah sama dengan plat keluli. Ia adalah lebih efektif kerana FRP tidak mengalami pengaratan dan ia lebih ringan. Rasuk yang diperkuatkan menggunakan plat FRP dapat mengawal konkrit dari berlakunya keretakan dan pesongan (He *et al.* 1997).

iii. Balutan

Penggunaan FRP dalam bentuk balutan ini mendapat perhatian oleh ramai pengkaji disebabkan oleh struktur yang lebih ringan, anti karat dan berkekuatan tinggi. Kaedah ini dikaji oleh Lin *et al.* (2001) di mana tiga keadaan FRP dibalut pada konkrit. Dua jenis FRP digunakan dalam eksperimen ini iaitu gentian karbon dan kaca. Pertama, konkrit dibalut dengan beberapa lapisan FRP. Ia menunjukkan kekuatan konkrit bertambah apabila lapisan FRP bertambah. Pada keadaan kedua, konkrit dibalut dengan lapisan yang diselang-seli antara gentian kaca dan gentian karbon. Keputusan kajian itu mendapati semakin dekat lapisan gentian kaca terhadap permukaan konkrit, semakin tinggi kekuatan konkrit tersebut.

Akhir sekali, konkrit dibalut dengan gentian kaca dan gentian karbon pada bahagian-bahagian tertentu. Dalam keadaan ini, konkrit gagal pada bahagian yang mengandungi lapisan karbon. Oleh yang demikian, kesimpulan yang dapat dibuat ialah lapisan gentian kaca dapat meningkatkan kekuatan struktur konkrit jika dibandingkan dengan gentian karbon.

2.2.2 Kurungan sisi secara dalaman

2.2.2.1 Kurungan sisi menggunakan keluli berbentuk gegelung.

Gegelung keluli ini berfungsi dalam meningkatkan kekuatan dan kemuluran struktur konkrit (Sheikh *et al.,*1993). Dalam satu kajian yang dibuat mereka mendapati jarak di antara tetulang kurungan mempengaruhi sifat konkrit di mana konkrit akan cepat gagal apabila jarak semakin besar.

Perbezaan kekuatan alah tetulang kurungan tidak mempengaruhi kekuatan mampatan konkrit yang dikurung (Ahamd dan Shah, 1992). Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh mereka mendapati tegasan maksimum konkrit dikurung sisi adalah sama walaupun menggunakan keluli yang berbeza kekuatan alah. Saiz spesimen yang berbeza menggunakan konkrit yang sama tidak menunjukkan perbezaan sifat konkrit yang ketara jika parameter-parameter seperti kekuatan tetulang, jarak antara tetulang dan lain-lain lagi adalah sama (Sheikh *et al.*, 1993).

2.2.3 Kesan penggunaan kurungan sisi terhadap struktur konkrit

Apabila stuktur konkrit dikenakan daya mampatan, ia akan mengalami pengembangan sisi. Pertambahan daya mampatan akan menyebabkan keterikan konkrit meningkat dan ia akan gagal dalam mampatan apabila konkrit tersebut telah mencapai kekuatan muktamadnya. Oleh itu, kurungan sisi digunakan untuk meningkatkan kekuatan konkrit terhadap daya mampatan. Tekanan sisi yang dihasilkan oleh kurungan sisi akan mengurangkan keupayaan konkrit tersebut daripada berlakunya pengembangan sisi.

Rajah 2.2 menunjukkan perbezaan graf konkrit dikurung sisi dibandingkan dengan konkrit tanpa dikurung sisi. Daripada rajah tersebut, dapat disimpulkan bahawa kekuatan dan kemuluran konkrit dapat ditingkatkan dengan adanya kurungan sisi.



Rajah 2.2: Graf tegasan-keterikan bagi konkrit dikurung sisi dibandingkan dengan konkrit tanpa dikurung sisi. (Saadatmanesh *et al.*, 1994)

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa keberkesanan kurungan sisi sebagai penguat konkrit bergantung kepada bahan dan bentuk kurungan yang digunakan. Semakin tebal kurungan tersebut, semakin tinggi darjah kemulurannya dan semakin besar jarak antara lilitan pada konkrit tersebut, semakin tinggi kerapuhannya.

2.3 Kurungan sisi menggunakan jalur logam

Ramai pengkaji sejarah berpendapat bahawa pusat utama dalam pembuatan logam berasal dari India sejak 3000 tahun dahulu. Pada permulaannya, bijih logam dicairkan pada suhu yang tinggi dengan menggunakan arang dan menukul bahan tersebut untuk membentuk besi tempa. Lebih daripada tiga unsur yang diketahui oleh manusia adalah terdiri daripada logam. Logam umumnya mempunyai struktur hablur dengan sifat pengaliran elektrik dan terma yang baik, kekuatan dan kekakuan yang tinggi secara relatif dan bersifat mulur.

2.3.1 Sifat-sifat logam

Pemilihan sesuatu bahan yang diperbuat daripada logam untuk membuat sebarang komponen bergantung kepada beberapa faktor (Hamzah *et al.*, 1999). Antaranya ialah:

a. Kekerasan
   Kekerasan ditakrifkan sebagai keupayaan sesuatu logam untuk tahan calar atau pelekukan oleh bahan keras yang lain dan ia merupakan petunjuk kepada rintangan terhadap kehausan sesuatu logam.

b. Kemuluran

Ini adalah sifat logam yang boleh dibentuk atau dipanjangkan apabila dikenakan beban. Misalnya, logam yang boleh ditarik menjadi bentuk dawai yang halus tanpa patah boleh dikatakan mempunyai kemuluran yang tinggi.

c. Kerapuhan

Ini adalah sifat logam yang mudah patah apabila diketuk atau ditegang. Logam yang rapuh bermakna ia tidak boleh ditegangkan dan mempunyai sifat kemuluran yang rendah.

d. Kebolehtempaan

Ini adalah kebolehan sesuatu logam yang boleh menanggung tukulan dan boleh dibentuk tanpa patah atau retak.

2.3.2 Hubungan tegasan-keterikan bagi logam

Rajah 2.3 menunjukkan hubungan tegasan-keterikan bagi logam apabila dikenakan daya tegangan. Keterikan logam bertambah apabila daya yang dikenakan bertambah. Logam mencapai had elastiknya pada titik B. Selepas titik itu, logam berada dalam keadaan plastik dan ia tidak akan kembali kepada bentuk asal. Titik C dipanggil Had Alah di mana apabila tegasan melebihi titik ini, logam mengalami keterikan secara mendadak. Selepas titik D, pertambahan keterikan hanya dapat diperolehi dengan peningkatan daya tegangan. Daya tegangan yang berterusan akan menyebabkan keterikan bertambah sehingga mencapai kekuatan muktamad (titik E) dan berkurang sehingga ia gagal.



Rajah 2.3: Graf tegasan-keterikan bagi logam

2.3.3 Kebaikan penggunaan jalur logam sebagai kurungan sisi

Kebaikan penggunaan jalur logam adalah seperti berikut (Hamzah *et al.*,1999):

i. Tingkatkan kekuatan – Daya sisi yang dihasilkan oleh jalur logam tersebut akan meningkatkan kekuatan konkrit untuk menanggung beban yang lebih besar.

ii. Bentuk jalur – Jalur logam tersebut mudah ditempa di mana ia mudah dan senang untuk dililit pada konkrit yang berbentuk segiempat atau bulat.

iii. Murah – Jalur logam tersebut boleh didapati dengan senang dan murah di mana ia dapat dibeli di kedai-kedai menjual barang logam.

iv. Meningkatkan kemuluran – Kurungan sisi oleh jalur logam tersebut menyebabkan konkrit akan gagal pada keterikan yang lebih besar jika dibandingkan dengan konkrit tanpa kurungan sisi. Tahap kemuluran akan dapat dihasilkan dengan lebih tinggi bergantung kepada darjah kurungan sisi tersebut.

v. Mudah dibuka – Jalur logam bukan bersifat kekal di mana ia boleh dibuka jika ingin mengubah kedudukannya.

vi. Nilai estetika –Logam tersebut berketebalan nipis di mana ia tidak akan mencacatkan rupa bentuk konkrit.

vii. Ringan - Sifat logam yang ringan akan mempercepatkan penyediaan konkrit dan mengurangkan kos pengangkutan.

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Untuk menghasilkan konkrit berkekuatan tinggi, pemilihan bahan-bahan yang digunakan adalah lebih teliti jika dibandingkan dengan konkrit berkekuatan rendah. Dalam bab ini, penerangan akan diberikan mengenai bagaimana data-data yang digunakan dalam kajian ini diperolehi. Semua ujikaji yang digunakan akan diterangkan dengan lebih mendalam pada bahagian ini. Data-data yang digunakan merupakan ujikaji yang dilakukan sendiri. Kekuatan konkrit yang direkabentuk untuk kajian ini ialah 80 MPa. Konkrit yang telah dibancuh akan diawet selama 28 hari sebelum diuji.

3.2 Proses penyediaan konkrit

3.2.1 Penyediaan acuan

Acuan yang digunakan ialah acuan berbentuk silinder di mana ia berukuran 200 mm tinggi dan berdiameter 85 mm untuk ujian mampatan konkrit. Acuan ini diperbuat daripada PVC seperti dalam Rajah 3.1.

Rajah 3.1: Penyediaan acuan silinder

Sebelum digunakan, semua acuan hendaklah dibersihkan. Selepas itu, minyak pelincir disapu pada bahagian dalam acuan untuk memudahkan sampel dikeluarkan selepas konkrit mengeras. Selepas disapu dengan minyak, acuan disusun bagi memudahkan kerja menuang konkrit.

3.2.2 Penyediaan bahan-bahan

Dalam proses penyediaan konkrit, kualiti konkrit adalah bergantung kepada kualiti bahan-bahan mentah yang akan digunakan iaitu batu baur kasar, batu baur halus, simen Portland biasa, air dan bahan tambah. Terdapat dua jenis bahan tambah yang akan digunakan iaitu *superplasticizers* dan *silica fume.*

3.2.2.1 Batu Baur Kasar

Batu baur mestilah bersih daripada debu-debu yang terdapat pada permukaan batu tersebut. Selepas itu, ia dikeringkan dalam ketuhar selama 4 jam untuk menghasilkan permukaan batu yang kering (*surface dry*). Batu baur kasar yang digunakan adalah jenis hancur yang mana saiz maksima batu baur yang digunakan adalah 10 mm.

3.2.2.2 Batu baur halus

Batu baur halus (pasir) yang digunakan adalah terdiri daripada jenis pasir sungai yang saiznya tidak melebihi 2.36 mm. Saiz pasir terkecil yang digunakan ialah 150 µm. Batu baur halus perlu diperiksa kualitinya supaya memenuhi sifat-sifat yang dikehendaki. Untuk itu, analisis ayakan dilakukan supaya penggredan pasir dapat dilakukan. Ayak-ayak yang digunakan bersaiz 2.36 mm, 1.18 mm dan 150 µm.

3.2.2.3 Simen

Simen yang digunakan ialah Simen Portland Biasa Jenis I. Jenis simen yang digunakan adalah *cap Seladang*. Jenis simen ini dipilih kerana ia adalah halus dan kurang berketul-ketul jika dibandingkan dengan jenis simen yang lain. Simen yang halus akan menghasilkan konkrit yang memberikan kesenangan kerja yang tinggi dan kurang mengeluarkan air lelehan.

3.2.2.4 Bahan tambah

Ia dicampur dalam konkrit dengan kadar tertentu semasa membancuh, menggaul atau gaul semula bertujuan mengubah ciri-ciri konkrit pada peringkat konkrit basah dan konkrit keras. Terdapat dua jenis bahan tambah yang digunakan iaitu *superplasticizers* dan *silica fume.*

(i) S*uperplasticizers*

Bahan tambah jenis ini digunakan adalah untuk meningkatkan kebolehkerjaan konkrit. Ia akan merendahkan kandungan nisbah air-simen, dengan demikian akan menghasilkan konkrit yang lebih kuat. Selain itu, ia akan mengurangkan penggunaan simen di samping pengurangan haba penghidratan.

(ii) *Silica fume*

Penambahan *silica fume* akan mengurangkan konkrit basah daripada berlakunya lelehan bagi konkrit yang menggunakan nisbah air-simen yang rendah. Disebabkan oleh kehalusan dan kandungan silika yang tinggi, ia juga akan meningkatkan kekuatan konkrit pada tahap awal.

3.2.2.5 Air

Dalam ujikaji ini, air paip biasa digunakan dalam bancuhan konkrit. Air adalah diperlukan untuk proses penghidratan simen serta meningkatkan kebolehkerjaan konkrit. Air yang digunakan untuk membancuh konkrit tidak boleh mengandungi banyak bendasing kerana ia boleh memberikan kesan buruk kepada pengerasan, kestabilan isipadu dan kelasakan serta boleh menyebabkan konkrit peroi dan berlaku perubahan warna.

3.3 Rekabentuk bancuhan konkrit

Rekabentuk bancuhan dibuat berdasarkan pengalaman dan data-data dalam literatur. Beberapa ciri perlu ditetapkan untuk mengawal kualiti konkrit yang akan dihasilkan. Ciri-ciri ini ialah kesenangan kerja konkrit basah, kekuatan mampatan pada umur yang ditetapkan dan kelasakan (menetapkan kandungan minimum simen atau nisbah maksimum air (bebas-simen) konkrit tersebut)

Jadual 3.1 menunjukkan kuantiti bahan-bahan yang digunakan bagi menghasilkan 1 m^3 konkrit berkekuatan tinggi:

Jadual 3.1: Kuantiti bahan-bahan yang diperlukan

Bahan	Jenis	Kuantiti
Simen (kg)	Portland	480
Silica Fume (kg)	Serbuk kering / MB-SF	30
Batu baur halus (kg)	Pasir Sungai	757
Batu Baur Kasar (kg)	10mm	1011
Superplasticizer (mL)	Glenmium C380	5355
Air (kg)		153

3.4 Kerja membancuh konkrit

Konkrit digaul dengan menggunakan mesin pembancuh konkrit. Pertama sekali, sebanyak 70 % jumlah air, batu baur dan *silica fume* dimasukkan ke dalam mesin bancuhan. Bancuhan digaul antara 4 hingga 5 minit. Kemudian, S*uperplasticizers* dimasukkan ke dalam bancuhan. Simen dimasukkan apabila bancuhan tadi telah digaul dengan rata. Selepas itu, pasir dimasukkan sedikit demi sedikit dan dibiarkan bancuhan digaul antara 2 hingga 3 minit.

Akhir sekali, baki jumlah air dimasukkan ke dalam bancuhan dan dibiarkan gaul sehingga bancuhan rata. Ketika mesin berputar, hentikan sebentar dan ratakan campuran secara manual bagi memastikan campuran diaduk rata. Rajah 3.2 menunjukkan konkrit basah yang telah siap digaul.

Kemudian, konkrit dimasukkan ke dalam acuan secepat mungkin selepas selesai proses bancuhan. Acuan-acuan tersebut ditutup dengan plastik untuk mengelakkan berlakunya kehilangan lembapan yang akan memberi kesan kepada proses pemejalan dan pengerasan. Kerja-kerja membuka acuan dilakukan pada keesokan harinya iaitu selepas 24 jam. Ia perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya konkrit tidak rosak. Kemudian, konkrit-konkrit ini direndam dalam air bagi proses pengawetan selama 28 hari .

Rajah 3.2: Konkrit yang telah siap dibancuh kelihatan lebih basah daripada konkrit biasa

3.5 Kaedah melilit logam pada silinder

Selepas proses pengawetan selama 28 hari, kesemua sampel dikeluarkan daripada air dan dibiarkan kering selama beberapa hari. Kemudian, permukaan atas sampel dilicinkan menggunakan mesin pengisar. Proses ini bertujuan untuk meghasilkan permukaan yang licin agar beban yang akan dikenakan seragam ke seluruh permukaan atas sampel-sampel tersebut.

Kemudian, sampel dililit secara luaran di mana jarak antara jalur-jalur logam telah ditetapkan kepada 10 mm. Jarak ini didapati paling efektif di mana ia telah dikaji sebelum ini. Terdapat tiga jenis jalur logam yang digunakan di mana ketiga-tiganya berlainan kekuatan alah. Logam-logam tersebut banyak digunakan dalam industri pembinaan dan perkhidmatan penghantaran barang. Rajah 3.3 menunjukkan jalur logam yang digunakan bagi ujikaji ini.



Rajah 3.3: Jalur-jalur logam yang digunakan dalam ujikaji ini

Jalur-jalur tersebut diketatkan menggunakan alatan khas di mana ia ditunjukkan dalam Rajah 3.4. Rajah 3.5 pula menunjukkan sampel-sampel yang telah dililit dengan jalur logam yang berlainan jenis. Kaedah mengetatkan jalur logam bagi sampel B adalah berlainan di mana pemutar skru digunakan untuk mengetatkan jalur logam tersebut. Rajah 3.6 menunjukkan kaedah mengetatkan jalur logam bagi sampel B.

Rajah 3.4: *Tensioner* yang digunakan untuk mengetatkan jalur logam



Rajah 3.5: Sampel-sampel yang telah dililit dengan jalur logam

Rajah 3.6: Kaedah mengetatkan jalur logam sampel B

3.6 Ujian mampatan konkrit

Ujian ini aadalah berdasarkan kepada spesifikasi yang telah ditetapkan dalam BS 1881 Part 116: 1983 di mana ia bertujuan untuk menguji kekuatan mampatan konkrit yang dihasilkan.

Sampel-sampel silinder diuji pada hari ke-7, 14 dan 28 menggunakan mesin mampatan.

3.7 Ujian mampatan konkrit dikurung sisi

Ujian ini dijalankan dengan menggunakan mesin *DARTEC* berkapasiti 1200KN. Ujian dijalankan pada mod anjakan pada kadar 0.05 mm/saat. Beban dikenakan sehingga sampel gagal. Rajah 3.7 dan 3.8 masing-masing menunjukkan mesin yang digunakan dan sampel ujian.

Rajah 3.7: Mesin *DARTEC*

Rajah 3.8: Contoh sampel yang diujikaji

BAB IV

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan secara ringkas keputusan ujian mampatan paksi konkrit kurungan sisi dan ujian tegangan jalur logam. Perbincangan lebih terperinci boleh dirujuk di dalam dua kertas kerja yang telah dibentangkan seperti di **Lampiran A**.

4.2 Ujian kekuatan tegangan jalur logam

Maklumat jalur-jalur logam yang diuji adalah seperti Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Maklumat mengenai sampel logam yang diuji

Sampel	Panjang (mm)	Tebal (mm)	Lebar (mm)
A	102	0.46	12.72
B	104	1.00	11.97
C	102	0.49	12.73

Jalur-jalur logam (seperti di dalam Rajah 4.1) ini diuji menggunakan mesin *DARTEC* berkapasiti *250 KN*. Jadual 4.2 menunjukkan keputusan ujian, manakala Rajah 4.2 menunjukkan hubungan tegasan-keterikan bagi setiap jalur tersebut. Berdasarkan Jadual 4.2, didapati nilai kekuatan jalur logam C menghasilkan kekuatan tegangan yang paling tinggi iaitu 975 N/mm^2 diikuti jalur logam B dan C masing- masing 439.1 N/mm^2 dan 897.1 N/mm^2.

Jadual 4.2: Data yang diperolehi daripada ujian tegangan jalur logam

Sampel	Beban Maksimum (KN)	Keterikan (mm/mm)	Tegasan Maksimum (N/mm^2)
A	5.249	0.084	897.1
B	5.256	0.107	439.1
C	6.083	0.069	975.2



Rajah 4.1: Mod kegagalan jalur logam



Rajah 4.2: Graf tegasan-keterikan bagi jalur-jalur logam yang digunakan

4.4 Ujian mampatan konkrit

Silinder diuji kekuatan mampatannya pada hari ke 7, 14 dan 28. Nilai kekuatan yang dicatatkan adalah mewakili kekuatan silinder yang akan digunakan sebagai sampel ujikaji. Kadar bebanan yang dikenakan adalah antara 0.2 N/(mm^{2}s) dan 0.4 N/(mm^{2}s) mengikut B.S 1881-116 1983. Jadual 4.3 menunjukkan data-data yang diperolehi bagi ujian mampatan konkrit pada hari ke 7, 14 dan 28. Keputusan ujian mampatan pada hari ke-7 ditunjukkan dalam jadual tersebut di mana kekuatan konkrit adalah 2/3 daripada kekuatan mampatan konkrit yang ingin dicapai iaitu 80 MPa. Keputusan ujian mampatan pada hari ke-28 pula menunjukkan kekuatan mampatan konkrit adalah melebihi kekuatan yang ingin dicapai (*target mean strength*).

Jadual 4.3: Kekuatan mampatan konkrit pada hari ke-7, 14 dan 28

Hari	Kekuatan Mampatan Konkrit (N/mm^2)		
	7	14	28
Sampel 1	51.3	61.6	84.4
Sampel 2	61.6	70.3	86.8
Sampel 3	58.3	70.9	84.6

4.5 Ujian mampatan konkrit dikurung sisi

Antara data-data yang diperolehi daripada ujian mampatan terhadap konkrit dikurung sisi adalah termasuk kekuatan muktamad konkrit, keterikan maksimum dan mod kegagalan.

4.5.1 Ubahbentuk sisi dan pugak

Perbincangan lebih terperinci berkenaan ubahbentuk sisi dan pugak telah dibentangkan di dalam dua kertas kerja di **Lampiran A**.

Jadual 4.4 menunjukkan peratus kenaikan keterikan pugak bagi setiap sampel kurungan sisi. Penggunaan kurungan sisi dapat meningkatkan keterikan pugak konkrit di mana jalur logam digunakan dengan efektif dalam mengekalkan struktur konkrit daripada berlakunya kegagalan pada beban kenaan yang rendah.

Jadual 4.4: Keterikan pugak bagi setiap sampel

Sampel	Keterikan Pugak Maksimum (mm/mm)	Peratus kenaikan (%)
Tanpa kurungan sisi	0.048	-
A	0.061	27..08
B	0.080	66.67
C	0.061	27.08

4.5.3 Mod kegagalan

Rajah 4.5 menunjukkan kegagalan yang berlaku pada sampel A dan sampel C. Melalui rajah ini, ia dapat diperhatikan kegagalan berlaku disebabkan oleh pengikat yang tidak efektif dalam mengekang pemgembangan sisi struktur konkrit.

Rajah 4.5: Mod kegagalan sampel A dan C

Rajah 4.6: Mod kegagalan bagi sampel B

Rajah 4.6 menunjukkan mod kegagalan bagi sampel B di mana jalur logam tersebut gagal pada bahagian jalurnya. Apabila struktur konkrit tidak dapat menahan daya kenaan semakin tinggi, jalur-jalur logam tersebut bertindak dengan meningkatkan keterikan konkrit tersebut agar konkrit tidak gagal awal. Kurungan sisi ini dapat meningkatkan kekuatan dan kemuluran konkrit sehingga ke satu tahap di mana apabila jalur-jalur logam tersebut telah mencapai keterikan maksimumnya, struktur konkrit dan jalur-jalur logam tesebut akhirnya gagal.

Daripada Rajah 4.5 dan Rajah 4.6, mod kegagalan konkrit bagi ketiga-tiga sampel adalah sama. Semua sampel tersebut gagal dalam keadaan gelincir di mana ia retak dan menghasilkan sudut ke permukaan mendatar yang diilustrasikan pada Rajah 4.7. Kegagalan ini adalah seperti kajian yang dilakukan oleh Ge (1992) di mana beliau menyatakan kegagalan konkrit berkekuatan tinggi berlaku dalam bentuk gelinciran.



Rajah 4.7: Mod kegagalan konkrit

4.5.4 Kekuatan muktamad

Jadual 4.5 merumuskan kekuatan muktamad setiap sampel yang diperolehi daripada ujian mampatan konkrit dikurung sisi. Konkrit yang dikurung sisi menunjukkan peningkatan kekuatan dalam menanggung beban kenaan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan konkrit tanpa kurungan sisi. Oleh itu, jelas kelihatan bahawa kurungan sisi dapat meninggikan kekuatan muktamad konkrit berkekuatan tinggi. Walaupun sampel A dan C gagal disebabkan oleh pengikat jalur logam, ia masih menunjukkan peningkatan kekuatan muktamad yang lebih tinggi.

Jadual 4.5: Kekuatan muktamad setiap sampel

Sampel	Kekuatan Muktamad (N/mm^{2})	Peratus pertambahan (%)
Tidak Dikurung sisi	59.367	-
A	99.158	67.03
B	121.761	105.1
C	99.158	67.03

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan

Berdasarkan kajian dan analisis makmal yang dijalankan sepanjang kajian ini boleh disimpulkan bahawa:

i. Bahan-bahan tempatan seperti simen dan batu baur mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk menghasilkan konkrit kekuatan tinggi. Peningkatan kekuatan mampatan konkrit akan menghasilkan konkrit yang lebih rapuh atau kurang kemuluran.

ii. Teknik kurungan sisi adalah satu kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kemuluran konkrit. Kurungan sisi menggunakan jalur logam yang di pra-tegang amat berkesan dalam meningkatkan kemuluran konkrit kekuatan tinggi.

iii. Jalur logam berkekuatan rendah menunjukkan peningkatan kemuluran yang lebih baik bagi konkrit kekuatan tinggi. Ini menunjukkan bahawa konkrit yang mempunyai kekuatan yang lebih tinggi tidak semestinya perlu dikurung sisi menggunakan bahan kurungan yang berkekuatan tinggi. Jalur logam berkekuatan rendah dan mempunyai kemuluran yang baik boleh menghasilkan konkrit kurungan sisi yang baik dengan menggunakan teknik pra-tegangan.

5.2 Cadangan ujikaji selanjutnya

i. Jalur logam mempunyai potensi yang baik sebagai bahan kurungan sisi konkrit kekuatan tinggi dan menjadi bahan alternatif kepada bahan moden seperti *FRP*. Tetapi kajian yang lebih lanjut adalah perlu bagi pengikat jalur logam yang lebih berkesan untuk mengelakkan kegagalan awal. Kajian juga perlu diluaskan kepada pelbagai kekuatan mampatan konkrit (50 – 120 MPa) supaya hasil yang lebih baik dapat dicapai.

ii. Setelah mendapati keberkesanan jalur logam sebagai bahan kurungan sisi konkrit kekuatan tinggi, kajian perlu dilanjutkan kepada keupayaan lenturan, kilasan dan seumpamanya. Kajian ini perlu dilakukan pada saiz tiang yang lebih besar dengan menggunakan mesin mampatan yang berkapasiti lebih tinggi.

iii. Ujian terhadap beban *cyclic* adalah dicadangkan untuk mengkaji keberkesanan konkrit kekuatan tinggi kurungan sisi terhadap beban gempabumi atau seumpamanya.

iv. Ujian rayapan dan pengecutan terhadap konkrit kurungan sisi menggunakan jalur logam adalah perlu untuk melengkapkan data kajian.

RUJUKAN

Surendra P.Shah, Fracture Toughness for High Strength Concrete, ACI Material Journal, May-June 1990, 260-265.

Attard. M. M. dan Mendis P.A, Ductility of High Strength Concrete Columns, Australian Civil Engineering Transactions, V 35, No 4, October 1993, 295-306.

P. Kumar Mehta, *Concrete: Structure, Properties And Materials*, Englewood Cliff, New Jersey: Prentice Hall, 1986.

Bertero, V. V., Inelastic Behavior of Structural Elements and Structures, Proceedings of Workshop on High Strength Concrete, University of Illinois at Chicago Circle, Dec. 1979, 91-98.

Edward G. Nawy, *Fundamentals Of High Strength High Performance Concrete*, Tottenham Court Road, London: Longman Group Limited, 1996.

Considere, A., Experimental Researches on Reinforced Concrete, McGraw Publishing Co., New York, 1903, 188.

Richart F.E., Brandtzaeg A. dan Brown R.L, The Failure of Plain and Spirally Reinforced Concrete in Compression, University of Illinois, Urbana, Engineering Experiment Station Bulletin No. 190, 1929.

Swamy, R.N., Jones, R. Charif, A., Repair dan Retrofit of a Full-scale Five-storey Masonry Research Building, Structural System Laboratory Test Report No. TR-93/04, Singapore, 1989.

Ahmad S.H, Khaloo A.R. dan Irshaid A., Behavior of Concrete Spirally Confined by Fiberglass Filaments, Magazine of Concrete Research, V.43, No. 156, Cement and Concrete Association, London, UK,1991, 143-148.

Saadatmanesh H., Ehsani M.R. dan Li M.W., Strength and Ductility of Concrete Columns Externally Reinforced with Fiber Composite Straps. ACI Structural Journal,V.91, No 4, July-August 1994, 434-447.

He J.H, Pilakoutas K. dan Waldron P., Strengthening of Reinforced Concrete Beams with CFRP Plates, Proceedings of the Third International Symposium on Non-metallic (FRP) Reinforcements for Concrete Structures, Vol. 1, 343-350.

Huei-Jeng Lin and Chin-Ting Chen 2001, Strength of Concrete Cylinder Confined by Composite Materials, Journal of Reinforced Plastics and Composites, Vol. 20, No. 18/2001, 1577-1600.

Shanim A.Sheikh dan Murat T.Toklucu, Reinforced Concrete Columns Confined by Circular Spirals and Hoops, ACI Structural Journal, V.90, no. 5, September-Oktober 1993, 542-553.

S.H Ahmad dan S.P. Shah, Stress-Strain of Concrete Confined by Spiral Reinforcement, ACI Structural Journal, November-Disember 1992, 484-490.

Esah Hamzah, Jasmi Hashim, Noor Hisham Abd Hamid, Norhayati Ahmad, Nota Sains Bahan, Jabatan Kejuruteraan Bahan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UTM, Edisi Kedua 1999.

Manual Makmal Kejuruteraan Awam II, Pejabat Akademik, Fakulti Kejuruteraan Awam, UTM, April 2003.

Ge, H.B and Lisani, T. (1992), *Strength of concrete-filled thin-walled steel box column: experiment,* Journal of Structural Engineering, Vol. 122, No. 11, 1327-1336.

LAMPIRAN A

1. Kertas kerja bertajuk *"Improving the Ductility of High-Strength Concrete Using Steel Straps Confinement"* telah dibentangkan di Seminar Kebangsaan Penyelidikan Kejuruteraan Awam (SEPKA 2005) anjuran Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia pada 5-6 Julai 2005, Sofitel Palm Resort, Johor Bahru, Johor.

2. Kertas kerja bertajuk *"Preliminary Experimental Investigation on the Performance of Laterally Confined High-Strength Concrete Columns Using Steel Straps"* telah dibentangkan di *2nd ACF International Conference,* Bali, Indonesia pada 20-21 Nov 2006.

IMPROVING THE DUCTILITY OF HIGH-STRENGTH CONCRETE USING STEEL STRAPS CONFINEMENT

W. Omar[1], K. Pilakoutas[2], A. Z. Awang[1]
[1]Faculty of Civil Engineering, UTM
[2]University of Sheffield, UK
E-mail: drwahid@utm.my

ABSTRACT: This paper presents the preliminary work on lateral confinement technique that uses relatively low cost steel straps, with the goal of minimizing the brittleness failure of high-strength concrete columns. The steel straps applied along the height of 85 mm diameter and 170 mm high of cylindrical specimens using a tensioner and sealer. Detail description of the preparation of high-strength concrete is presented. The effects of confining straps on increasing ductility and strength of high-strength concrete were explored; with the main focus was on the ability of the concrete to deform under monotonic compressive load. The confined concrete effectively restrained microcracking and improved crack stability, leading to improved ductility and strength of the tested specimens.

Keywords – high-strength concrete; ductility; stress-strain relationship; steel straps confined concrete; axial compressive load.

1. INTRODUCTION

High-strength concrete is relatively new structural material and has superior performance in engineering applications. With the development of concrete technology, concrete strength of up to 100 MPa and higher can be reached using the ordinary materials that used in the production of normal-strength concrete without difficulties. It has been noted that high-strength concrete will play an increasingly important role in future applications.

High-strength concrete is produced basically by improving the compactness of the fresh concrete with a low water-cement ratio. This increases the strength of both the paste and the interface between the paste and the aggregates. However, an increase in the strength of the concrete results an increase in its brittleness and smoother failure surface. These phenomena are indicated by very rapid and explosive type of failure under various type of loading.

The lack of ductility in the high-strength concrete is indicated by steep ascending slope followed by the very steep descending slope of the stress-strain curve in axial compression as shown in Fig. 1 (Attard and Setunge 1996; Candappa et al. 2001). A few methods are known to increase the ductility of members under compression of high-strength concrete, such as the incorporation of steel fibers or composite construction like column of a steel tube filled with high-strength concrete. The above-mentioned methods sometimes are disadvantageous with regard to costs and workability.

